

PRIVATE AND CONFIDENTIAL

22 AUGUST 2021

## NOTIS PENTING

**Kepada : Semua Selection Business Partner (SBP)**

**PENOLAKAN KADAR KOMISYEN UNTUK SEMUA PROMOSI KEMPEN PEMASARAN DAN KOD DISKAUN**

Sila baca dengan teliti notis di bawah.

Demi memastikan kesinambungan kos harga dan jualan, pihak pengurusan syarikat dengan ini memaklumkan bahawa kadar komisyen ditetapkan untuk ditolak sebanyak 50% daripada nilai kod diskaun SBP dan juga sebarang kod diskaun dari promosi kempen pemasaran yang dijalankan oleh pihak syarikat.

1. Pihak syarikat dari masa ke semasa akan menjalankan pelbagai kempen pemasaran bagi menarik lebih ramai pelanggan membeli di Selection, sekaligus mampu menjana lebih banyak pendapatan buat ahli SBP.
2. Untuk memberi manfaat kepada pelanggan, pihak syarikat akan menanggung kos promosi yang dilancarkan.
3. Notis ini secara rasmi memberitahu bahawa kos pemasaran secara promosi kod diskaun termasuk kod diskaun SBP akan ditanggung bersama dengan SBP melalui pemotongan komisyen.
4. **Jumlah potongan komisyen adalah 50% dari nilai kod diskaun**
5. Contoh pengiraan potongan : Pelanggan menggunakan kod diskaun bernilai RM30 dari promosi diskaun pelanggan pertama (Subscribe Email) dan membeli barang berharga RM550. Pelanggan akan membayar RM520 selepas pemotongan diskaun RM30. Pengiraan komisyen SBP: Berdasarkan carta komisyen, SBP sepatutnya menjana komisyen RM50 dari penjualan ini. Tetapi ini akan ditolak RM 15, iaitu 50% dari nilai kod diskaun RM30. Jumlah komisyen sebenar akan diterima ialah RM35 (RM50 – RM15).
6. Contoh diskaun promosi: WELCOME email discount bernilai RM30; kempen pemasaran GLC300; BFS50; dan juga termasuk kod diskaun SBP yang bernilai RM5. 50% dari semua nilai kod diskaun ini akan ditolak dari komisyen.
7. *Pengecualian 1:* Jika penolakan 50% nilai diskaun ini membuatkan komisyen jadi kosong (contoh disebabkan diskaun yang besar seperti RM100 atau RM200), maka kadar komisyen flat rate RM15 akan diberikan.
8. *Pengecualian 2:* Jika pembelian lebih dari satu item, dan penolakan 50% nilai diskaun ini membuatkan komisyen jadi kosong (contoh disebabkan diskaun yang besar seperti RM100 atau RM200), maka kadar komisyen flat rate RM15 diberikan hanya untuk satu



item yang bernilai komisyen tertinggi. Item ke-2, ke-3, atau seterusnya akan mendapat kadar komisyen seperti

#### Promosi diskauan Gift Card

1. Semua syarat di atas adalah sah sama untuk promosi penjualan Gift Card dengan kadar diskauan, dengan tambahan syarat di bawah.
2. Sebarang pembelian Gift Card tidak akan diberi komisyen SBP.
3. Semua pembelian barang yang dibeli oleh SBP menggunakan Gift Card (yang dijual pada harga diskauan) juga tidak akan diberikan sebarang komisyen.
4. Komisyen akan diberikan kepada jualan yang dibayar menggunakan Gift Card yang dibeli oleh pelanggan sendiri. **Harus ditekankan bahawa nombor Gift Card ini perlu diterima sendiri oleh pelanggan melalui emel mereka.** Potongan komisyen akan berlaku dengan pembelian yang mencukupi syarat ini.
5. Potongan komisyen adalah 50% dari nilai diskauan penjualan Gift Card.
6. Contoh: Gift Card bernilai RM700 yang dijual pada harga RM650, iaitu memberikan nilai diskauan RM50. RM25 dari nilai diskauan ini (iaitu 50%) akan ditolak dari komisyen SBP.

Pihak pengurusan mengambil langkah ini untuk memastikan kesinambungan kos dan modal pengurusan yang terbaik untuk syarikat dan kebaikan kedua belah pihak.

Terma dan syarat ini berkuat kuasa bermula 1 Disember 2020.

Terima kasih di atas kerjasama anda.

untuk SELLECTION SDN BHD,

.....  
Yang Benar,  
Nor Rafidah Khairuddin  
Pengasas Selection Sdn Bhd

PRIVATE AND CONFIDENTIAL

22ND AUGUST 2021

**NOTIS PENTING**

**Kepada : Semua Selection Business Partner (SBP)**  
**KADAR KOMISYEN TETAP BERJUMLAH RM10 UNTUK PELANGGAN VIP**

Pihak pengurusan syarikat dengan ini memaklumkan bahawa kadar komisyen untuk setiap ahli Selection Business Partner yang membantu pelanggan VIP **yang menggunakan sebarang kod kupon VIP**, akan menerima komisyen seperti berikut;

**SYARAT KOMISYEN**

- Apabila **sebarang** kod kupon VIP pelanggan digunakan, kadar komisyen SBP akan bertukar kepada **kadar tetap setiap unit**
- *Pengecualian:* Jika pembelian lebih dari satu item, flat rate diberikan hanya untuk satu item yang mempunyai nilai komisyen tertinggi. Item ke-2, ke-3, atau seterusnya akan mendapat kadar komisyen seperti biasa.
- Syarat komisyen ini berkuatkuasa bermula 22 Ogos 2021
- **Kadar komisyen seperti biasa akan tertakluk jika tiada sebarang kod kupon VIP digunakan**

Pihak pengurusan akan mengambil langkah ini untuk memastikan kesinambungan kos dan modal pengurusan yang terbaik untuk syarikat dan kebaikan kedua belah pihak. Terima kasih di atas kerjasama anda.

untuk **SELECTION SDN BHD**,



.....  
Yang Benar,  
Nor Rafidah Khairuddin  
Pengasas Selection Sdn Bhd